

Bersama memacu Pelan Pendidikan Kebangsaan

UB 19-09-2012 B4



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAT

Bersama, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said Ambotang dan Shukri Zain

SEDAR atau tidak banyak pelan pendidikan telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan semenjak sebelum negara mencapai kemerdekaan sehinggalah baru-baru ini pelan yang baru dirancang sehingga tahun 2013. Senario ini membuktikan betapa aspek pendidikan adalah satu agenda yang begitu kritikal bagi kemajuan dan ketamadunan sesebuah negara. Keadaan ini juga menjelaskan kepada kita bahawa aspek pendidikan sentiasa berkembang dan bersifat dinamik selari dengan keperluan dan kehendak manusia di seluruh dunia amnya dan di negara kita khususnya. Justeru, sebagai pendidik yang sememangnya terlibat secara langsung dalam bidang ini, maka tidak dapat tidak perlulah mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran adar dapat melaksanakan dasar atau pelan yang telah dirancang oleh kerajaan. Malah, guru yang proaktif seharusnya mampu untuk melihat melangkaui atau mendahului pelan-pelan yang direncanakan oleh kerajaan.

Antara aspek utama yang selalu diberikan penekanan bagi setiap pelan pendidikan adalah aspek meningkatkan aspek profesionalisme keguruan dan merapatkan jurang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar. Mungkin timbul beberapa persoalan dalam benak sesetengah penganalisis pendidikan seperti adakah guru tidak cukup profesional? Adakah profesionalisme keguruan mesti melibatkan aspek ganjaran seperti kenaikan gaji atau elaun? Tidakkah kita terfikir dan membuat perbandingan dengan bidang-bidang profesional lain seperti doktor, peguam, jurutera dan lain-lain? Persoalan seterusnya adalah mengapa jurang yang ingin dirapatkan antara pelajar bandar dan luar bandar seakan-akan sukar dan jurang tersebut semakin melebar dari semasa ke semasa? Berkemungkinan pelbagai lagi persoalan yang boleh dikemukakan oleh para pendidik yang melihat isu dan masalah tersebut secara holistik dan komprehensif, atau melihatnya dari sudut berbeza. Hakikatnya, apabila sesuatu pelan yang dirancang dan dilaksanakan merujuk atau memberi penekanan kepada aspek yang sama, seolah-olah perkara tersebut tidak pernah selesai, ataupun tidak akan selesai. Atau mungkin juga perkara tersebut telah dapat diselesaikan, namun perlu sentiasa diberikan perhatian untuk menjaga kebajikan para pendidik. Walau apa pun penilaian atau perbahasannya, guru dan pegawai-pegawai pendidikan tanpa mengira pangkat, selaku individu yang memainkan watak utama dalam citra pendidikan, seharusnya melihatnya dengan mata kasar dan mata hati, seterusnya membuat analisis, sintesis, dan penilaian secukupnya agar segala perancangan dan pelaksanaan yang akan dilaksanakan kelak, tidak gagal untuk mencapai objektif atau matlamat yang telah ditetapkan.

Harus diingat bahawa bagi setiap pelan atau dasar yang ingin dilaksanakan, ia menelan belanja kos kewangan yang sangat besar. Sejak dahulu lagi peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam bajet atau belanjawan tahunan adalah antara yang terbesar dalam kalangan kementerian yang ada. Justeru kita mengharapkan agar jumlah wang yang besar tersebut tidak dibelanjakan tanpa memberikan manfaat sepenuhnya demi kebaikan dan peningkatan sektor pendidikan di negara kita. Walaupun bukan mudah untuk menunaikan tanggungjawab tersebut, namun itulah cabaran yang harus dihadapi untuk memastikan niat yang tulus ikhlas oleh pihak kerajaan dapat direalisasikan tanpa berlaku 'kebocoran' di mana-mana. Amanah yang ditunaikan akan mendapat balasan kebaikan di dunia dan akhirat, begitulah juga sekiranya gagal atau pecah

amanah, akan juga mendapat balasannya. Oleh yang demikian, jiwa pendidik sejati perlu disemai, dibaja, digembur, dan selalu dijurus agar sentiasa segar dan subur menjadi jiwa yang teguh dan ampuh yang mampu mempertahankan maruah dan jati diri sebagai pendidik mulia.

Berbalik kepada isu profesionalisme keguruan yang sering ditimbulkan, umum mengetahui bahawa guru diiktiraf sebagai satu kerjaya profesional kerana mempunyai pengkhususan bidang dan mempunyai satu sistem serta kod etika yang standard. Profesion keguruan yang merupakan profesion tertua di dunia, kini telah memasuki satu lagi era baru. Sekiranya dahulu peranan utama guru ialah sebagai penyampai pengetahuan semata-mata. Gurulah yang banyak bercakap dan menyoal. Bagaimanapun kini, peranan guru lebih penting sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran. Sebagai pemudah cara, guru perlu lebih sedia dan peka melahir dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan. Pelajar perlu selalu digerak untuk berfikir secara kreatif dan kritikal. Malahan, dewasa ini para pelajar sememangnya digalakkan untuk menyoal guru serta membantu guru membuka luas pintu pembelajarannya. Dahulu, kebanyakan punca ilmu pengetahuan adalah dalam bentuk bertulis. Sekarang, lebih banyak bilik darjah ditukar menjadi bilik darjah bestari yang membolehkan pelajar menggunakan komputer untuk mencari lebih banyak pengetahuan dan maklumat. Bagaimanapun, kehadiran guru penting untuk membimbing pelajar membuat pilihan ilmu dan maklumat yang tepat dan betul.

Selain itu, kelayakan akademik juga adalah satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian. Ini kerana profesionalisme guru itu adalah berpusatkan kepada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Maka, adalah wajar diramalkan, seiringan dengan kejayaan Malaysia meningkatkan kadar pembangunannya, guru-guru ijazah akan bertugas sehingga ke peringkat pra-sekolah. Memandangkan guru memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, sifat kerja guru yang begitu khusus memerlukan guru mempunyai kelayakan akademik minimum dan menghadiri program-program latihan sebelum dan semasa perkhidmatan. Justeru langkah Kementerian Pelajaran Malaysia menggalakkan guru meningkatkan kelayakan akademik melalui pelbagai program dan galakan termasuklah kursus dalam perkhidmatan, galakan guru bukan siswazah melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah, pensiswazahan guru besar, anugerah biasiswa melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran merupakan manifestasi untuk membangunkan kerjaya guru dan mempertingkatkan profesionalisme keguruan sedia ada.

Sebagai rumusan, walau apa jua isu berkaitan pendidikan yang ditimbulkan, guru adalah insan pertama yang akan terlibat dengannya. Majoriti pendidik atau guru adalah sebagai pelaksana kepada pelan dan dasar yang telah dirancang. Walaupun kadang-kala timbul rasa tidak puas hati atau kurang bersetuju terhadap sesuatu pelan atau dasar yang telah dirancang, namun penulis percaya sebagai seorang guru sejati, tetap akan melaksanakannya dengan penuh bijaksana, dedikasi dan ikhlas hati. Kerana sekali kita menjadi guru atau pendidik, maka selama-lamanya tetaplah menjadi guru walaupun apa jua gelaran yang diperoleh atau diberikan. Ingatlah bahawa, tiada profesion yang lebih mulia daripada profesion keguruan kerana ianya merupakan kerja yang dilakukan oleh para anbia sebelum kita. Akhirnya kepada semua warga pendidik, ayuh bangkit dan sama-sama kita berusaha untuk memberikan pendidikan terbaik kepada anak bangsa demi negara yang tercinta ini.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.